AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NASIONAL

# 4 kes import baharu

**Putrajaya:** Empat kes baharu positif COVID-19 dilaporkan semalam iaitu jangkitan dari luar negara membabitkan tiga warganegara Malaysia dan seorang warga asing.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kes import membabitkan negara Russia, Singapura dan Emiriah Arab Bersatu itu menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 8,729 kes dan 83 kes aktif.

"Sehingga kini, terdapat enam kes yang sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dan daripada jumlah berkenaan dua kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya pada sidang media COVID-19, di sini semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sehingga jam 12 tengah semalam, terdapat empat kes pulih dan dibenarkan pulang menjadikan jumlah kumulatif kes pulih di negara ini sebanyak 8,524 kes, manakala tiada pertambahan kes kematian dilaporkan, menjadikan jumlahnya kekal 122 kes bersamaan 1.39 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Katanya, Kementerian Kesihatan (KKM) mengesan dua lagi kes positif bagi Kluster pesakit di bawah pemantauan (PUI) Novgorod, menjadikan sehingga kini seramai lima individu sudah dijangkiti COVID-19 dalam kluster berkenaan.

Selain itu, beliau berkata, kajian KKM mendapati antibodi yang terbina dalam kalangan pesakit COVID-19 berkurangan selepas lapan minggu.

Dr Noor Hisham berkata, dalam satu kajian terhadap Kluster Sungai Lui yang masih belum dilapor dan diterbitkan KKM, mendapati antibodi yang terbina hanya 20 peratus selepas tiga bulan.

Katanya, dapatan serupa juga dimaklum oleh delegasi perubatan China yang datang ke negara ini pada April lalu apabila kajian mereka mendapati antibodi pesakit COVID-19 kira-kira 17 hingga 18 peratus.

"Kita dapati selepas tiga bulan, dalam kluster di Sungai Lui, antibodi terbina dalam kalangan pesakit hanya 20 peratus.

"Sepatutnya apabila mereka dijangkiti, antibodi akan meningkat 80 hingga 90 peratus dan kalau antibodi meningkat baru boleh ada 'herd immunity' (imuniti kelompok) tetapi tindak balas antibodi berkurangan. Baru-baru ini ada kajian di United Kingdom (UK) mendapati antibodi dikesan hanya 17 peratus," katanya.

BHTV

**AKHBAR : HARIAN METRO**
**MUKA SURAT : 12**
**RUANGAN : LOKAL**

# Dua lagi sah positif




## *Kluster PUI Novgorod jadikan keseluruhan 5 kes*

Oleh Raja Noraina Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Dua lagi kes positif Covid-19 dikesan dalam Kluster pesakit dalam siasatan (PUI) Novgorod, semalam menjadikan keseluruhan lima kes, setakat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, satu kes adalah kontak rapat kepada kes indeks kluster berkenaan dan satu lagi kes baharu yang dilaporkan, semalam.

"Satu kes kontak rapat kepada kes ke-8,673 yang dikesan hasil siasatan lanjut yang dijalankan kepada kes positif Covid-19 sedia ada.

"Satu lagi kes pula adalah kes baharu yang dilaporkan iaitu kes import dari Russia (kes ke-8,727).

"Dia tiba di Malaysia pada 13 Julai lalu dan dikesan positif semasa ujian RTK-Antigen di pintu masuk antarabangsa. Dia kemudian diasingkan dan dibawa ke Hospital Sungai Buloh (HSB) untuk rawatan. Didapati dia juga kontak rapat kes ke-8,673 dan kes ke-8,718 di Novgorod, Russia," katanya dalam sidang media harian, semalam.

Katanya, semua 17 orang kontak rapat terbabit sudah disampel dan dikesan negatif Covid-19.

"Daripada jumlah kontak rapat ini, 13 orang dikenal pasti dari pesawat yang dinaiki dan empat orang ahli keluarga kepada kes ke-8,718 dan kes ke-8,724.

"Tiga kes positif sedang dirawat di HSB dan dua kes positif dirawat di Hospital Melaka. Satu kes di Melaka itu dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU)," katanya.



PENGUNJUNG mengamalkan normal baharu dengan memakai pelitup muka di pasar petang, Pasar Besar Kuantan.

# 4 kes import, sifar penularan tempatan

**Kuala Lumpur:** Malaysia kembali mencatat sifar kes penularan tempatan semalam, kata Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, hanya empat kes baharu dilaporkan iaitu kes import dalam kalangan warganegara Malaysia dan bukan warganegara yang mendapat jangkitan di luar negara.

"Ini menjadikan jumlah kumulatif kes positif Covid-19 di negara adalah 8,729 kes.

"Empat kes baharu itu adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara iaitu tiga warganegara Malaysia dan satu bukan warganegara," katanya.

Selain itu, Dr Noor Hisham berkata, terdapat empat kes pulih dan dibenarkan discaj semalam.

"Jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan Covid-19 adalah 83 kes. Mereka sudah diasingkan dan diberi rawatan," katanya.

Tiada pertambahan kes kematian Covid-19 dilaporkan semalam.

# 255 individu ingkar buat ujian kedua

**Kuala Lumpur:** Seramai 255 rakyat Malaysia yang pulang dari luar negara didapati masih ingkar melakukan ujian saringan Covid-19 kedua.

Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, Kementerian Kesihatan dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) memantau individu berkenaan dan mengesan lokasi mereka.

Menurutnya, kerajaan memberi peluang kepada mereka tampil membuat ujian saringan secara sukarela di klinik kesihatan berdekatan atau berdepan tindakan kompaun RM1,000 atau dihadapkan ke mahkamah yang boleh dipenjara maksimum dua tahun jika sabit kesalahan.

"Kerajaan memandang serius kegagalan mematuhan prosedur operasi standard (SOP) ini. Apabila sampai di rumah, ramai yang cuba keluar atau bergerak bebas dalam rumah, sedangkan sepatutnya hanya berada di dalam bilik dan tidak bercampur dengan ahli keluarga selama 14 hari.

"Di Melaka, seorang pelajar yang pulang dari Russia mulanya didapati negatif Covid-19 sewaktu saringan awal, namun akhirnya disahkan positif apabila berada di rumah.

"Pelajar ini merebakkan jangkitan kepada bapanya. Jadi, tindakan gagal mematuhi SOP bukan saja membahayakan diri sendiri, tapi juga keluarga yang tinggal serumah," katanya pada sidang media di Parlimen, semalam.

Ismail Sabri berkata, PDRM menahan dan mengeluarkan kompaun kepada 22 individu atas kesalahan ingkar arahan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

"Antara kesalahan ingkar arahan PKP termasuk aktiviti membabitkan kehadiran orang ramai yang menyukarkan penjarakan sosial dan aktiviti melanggar SOP.

"Sebanyak 3,821 pasar raya, 5,545 restoran serta 1,954 penjaja, 1,326 kilang dan 2,787 pasar awam diperiksa. Turut diperiksa 3,783 tempat ibadah serta 1,479 tempat riadah," katanya.

Sementara itu, katanya semua ekspatriat yang dibenarkan masuk ke negara ini untuk bekerja atau menguruskan syarikat tidak dibenarkan keluar dari Malaysia untuk bercuti.

**PDRM keluarkan kompaun kepada 22 individu atas kesalahan ingkar arahan PKPP**

# Standard Chartered sumbang RM150,000 dana Covid-19

**Kuala Lumpur:** Standard Chartered Malaysia menyerahkan sumbangan RM150,000 untuk Bantuan Kemanusiaan Covid-19, Tabung Kemanusiaan Media Prima-NSTP, semalam.

Cek itu disampaikan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Standard Chartered Malaysia, Abrar A Anwar kepada Pengarah Urusan Kumpulan Media Prima Datuk Iskandar Mizal Mahmood di Balai Berita NSTP, di sini.

Penyampaian cek itu juga disaksikan Pengarah Eksekutif Operasi, Berita dan Editorial Media Prima, Mustapha Kamil Mohd Janor, Pengurus Besar Komunikasi Korporat Kumpulan Media Prima Berhad (MPB) Zasman Asna, Ketua Hal Ehwal Korporat, Penjenamaan dan Pemasaran Standard Chartered Malaysia Jennifer Kang serta Ketua Penajaan Penjenamaan, Kelestarian dan Hal Ehwal Awam Standard Chartered Malaysia Mastura Adnan.

Abrar berkata, sumbangan itu antara langkah diambil Standard Chartered Malaysia bagi berbakti kepada komuniti selain perkhidmatan perbankan disediakan pihaknya.

"Justeru, kami memilih Media Prima sebagai rakan strategik untuk turut serta dalam menyampaikan sumbangan kepada komuniti terutama ketika pandemik Covid-19 yang dialami semua pihak ketika ini.

"Kami amat berbangga dapat berkolaborasi dengan Media Prima dalam usaha murni ini," katanya.

Beliau berkata, sumbangan terbabit adalah kerjasama pertama pihaknya berkaitan Covid-19 bersama Media Prima.

"Ia dianggap sebagai permulaan merancang kolaborasi seterusnya membabitkan pelbagai program lain memandangkan Media Prima adalah entiti yang mempunyai pengalaman beroperasi selama 25 tahun," katanya.

"Dengan adanya kerjasama ini, kami juga boleh menilai operasi syarikat Media Prima yang beralih kepada saluran digital untuk menyampaikan maklumat kepada orang ramai.

"Kaedah itu boleh diguna pakai bagi perkhidmatan perbankan supaya lebih mesra pengguna," katanya.



ISKANDAR Mizal (tiga dari kiri) menerima replika cek daripada Abrar sambil disaksikan Mustapha Kamil (dua dari kiri) di Balai Berita NSTP, semalam.

## RINGKAS

### Lelaki Malaysia diusir dari Singapura

Johor Bahru: Lelaki Malaysia antara 12 rakyat asing yang diusir keluar dan diharamkan memasuki Singapura selepas tidak mematuhi penjarakan sosial ketika langkah pemutus rantaian Covid-19 dikuatkuasakan di negara itu.

Dalam kenyataan media Polis Singapura dan Pihak Berkuasa Imigresen dan Pusat Pemeriksaan Singapura, lelaki berusia 23 tahun itu yang berada di Singapura menggunakan permit kerja mengajak seorang rakan ke tempat tinggalnya.

Dia kemudian menghantar pulang tetamunya menggunakan motosikal pada 18 April lalu.

"Mereka bagaimanapun ditahan di satu sekatan jalan raya di Yishun Avenue 6 dan lelaki itu didakwa atas tuduhan melanggar sekatan dengan meninggalkan tempat tinggalnya dan larangan untuk mengadakan perhimpunan sosial mengikut Peraturan 4(2) dan 6, Langkah-Langkah Sementara, Peraturan Perintah Kawalan 2020," kata kenyataan itu.

### Sekolah jadi PPS tetap dibuka hari ini

Johor Bahru: Sekolah yang dijadikan pusat pemindahan sementara (PPS) di kawasan terjejas banjir di negeri ini tetap dibuka hari ini seperti yang dijadualkan.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Johor, Zaiton Ismail berkata, ketetapan untuk sekolah dijadikan PPS tetap dibuka diputuskan hasil perbincangan bersama pengetua dan guru besar sekolah yang terjejas.

"Guru besar dan pengetua sekolah terjejas juga sudah membuat pemeriksaan dan pembahagian kawasan untuk pelajar dan murid meneruskan pembelajaran esok (hari ini) serta kawasan ditetapkan untuk mangsa banjir terjejas," katanya ketika dihubungi semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

# Tiada kes penularan tempatan direkodkan

Bertepatan dengan unjuran yang diramal oleh Institut Kesihatan Negara, KKM

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Tiada kes penularan tempatan dalam empat kes baharu positif Covid-19 yang direkodkan semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sifar jangkitan penularan tempatan bertepatan dengan unjuran yang diramal oleh Institut Kesihatan Negara (NIH), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) baru- baru ini.

"Kalau kita lihat, kita meramalkan 14 Julai sifar kes penularan tempatan dan ianya berlaku hari ini (semalam) bahkan bukan hanya sekali, tetapi sudah beberapa kali negara tiada kes penularan tempatan," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurutnya, empat kes berkenaan melibatkan tiga rakyat Malaysia dan seorang warga asing yang memasuki negara ini.



DR NOOR HISHAM

"Dua rakyat Malaysia dikesan mendapat jangkitan daripada Singapura dan seorang lagi dari Rusia. Pertambahan itu menjadikan jumlah kumulatif positif Covid-19 adalah 8,729 kes," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, antibodi yang terbina dalam pesakit Covid-19 akan berkurangan selepas lapan minggu dijangkiti wabak itu.

Katanya, dapatan itu diperoleh KKM dalam kajiannya terhadap Kluster Sungai Lui.

Justeru kata Dr Noor Hisham, timbul persoalan adalah bekas pesakit Covid-19 mungkin boleh dijangkiti semula.

"Sekiranya kita beri vaksin adakah ia akan dapat merangsang tindak balas antibodi.

"Kita mahu melihat sama ada vaksin ini boleh merangsang antibodi yang berkekalan dan bukan hanya sementara," katanya.

## Kluster Novgorod catat dua kes positif

**PUTRAJAYA** - Kluster Novgorod mencatatkan pertambahan dua kes positif koronavirus (Covid-19) semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pertambahan itu menjadikan lima kes aktif bagi kluster berkenaan.

"Satu kes baharu yang dikesan merupakan kontak rapat kepada kes indeks kluster ini (iaitu kes ke-8,673) manakala satu lagi pula kes import baharu yang dilaporkan hari ini (semalam)," katanya di sini semalam.

Menurutnya, kes baharu (kes ke 8,727) tiba di negara ini kelmarin dan dikesan positif semasa ujian RTK-Antigen di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

"Siasatan mendapati dia merupakan kontak rapat kes ke-8,673 dan kes ke-8,718 di Novgorod, Rusia," katanya.

Beliau berkata, tiga kes positif sedang dirawat di Hospital Sungai Buloh dan dua dirawat di Hospital Melaka.

"Seorang yang dirawat di Hospital Melaka diletakkan di unit rawatan rapi," katanya.

Dr Noor Hisham memaklumkan setakat jam 12 tengah hari semalam, seramai 22 orang telah disaring dan 17 daripadanya didapati negatif.

Katanya, KKM sedang menyiasat punca jangkitan tersebut.

## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEWS/ NATION



**TEAM SPIRIT**

The Gombak Kita Setia FC team in action yesterday following the government's decision to lift restrictions on contact sports such as football, rugby, basketball and sepak takraw, in Kuala Lumpur yesterday. PIC BY ASWADI ALIAS

ZERO TRANSMISSIONS

# Health D-G concerned people may become lax

**PUTRAJAYA:** With the Health Ministry's projection that Malaysia would achieve zero Covid-19 transmissions by July 14 having proven correct, the challenge now is to maintain the level of standard operating procedure compliance among Malaysians.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the implementation of the Movement Control Order (MCO) through various stages, as well as public compliance during the period, had contributed to the flattening of the Covid-19 curve.

However, he expressed concern that as Malaysians gradually returned to their regular lives albeit under a new normal, they would become more complacent.

"The projection by the Institute of Medical Research was achieved thanks to the swiftness of the implementation of the MCO to curb the Covid-19 spread and public compliance.

"However, we are concerned that the public may become lax and return to their old ways.

"The public must ensure that they adhere to the new normal and maintain good hygiene practices even after the MCO is lifted to ensure that there are no new waves of transmission," he told a press conference here yesterday.

Dr Noor Hisham said this was especially important after establishing that patients who recovered from Covid-19 had a lower immunity percentage than expected.

"Recent findings showed that recovered patients' immunity percentage stood at 20 per cent when it is supposed to be between 60 and 80 per cent.

This, he said, was worrying as it meant that a recovered Covid-19 patient would find it easier to become infected again if his or her immunity level did not improve.

"We have seen this in several cases. A recovered patient in Sungai Lui had an immunity level of 20 per cent when it should have been more than 60."

Meanwhile, four new Covid-19 cases were recorded up to noon yesterday, bringing the nationwide tally to 8,729.



*Datuk Dr Noor Hisham Abdullah*

Dr Noor Hisham Abdullah said all four were imported cases involving three Malaysians and one foreigner.

"Two of the Malaysians had returned from Singapore, while the other just arrived from Russia.

"The fourth case is a foreigner from the United Arab Emirates, who is a permanent resident here."

Dr Noor Hisham said one of the cases was from the Novgorod cluster.

He said all the four people had been isolated and were receiving treatment in hospital.

He said the number of active cases stood at 83 with four more patients having been discharged from hospital, bringing the current rate of recoveries to 97.7 per cent (8,524 cases).

"Six patients are being treated in the Intensive Care Unit with two requiring ventilator support.

"No fatalities were reported to the Crisis Preparedness and Response Centre up to noon today (yesterday), keeping the death toll at 122 (1.4 per cent)."

On the Malaysian who returned from Russia, Dr Noor Hisham said the person tested positive for Covid-19 upon arrival at the Kuala Lumpur International Airport.

"We notified the airport authorities and disinfection operations were carried out on the flight. The flight crew have been asked to undergo testing and to self-quarantine."

He said 64,801 foreigners had been tested for Covid-19, with 2,601 testing positive.

"Of the positive cases, 27 per cent are recovering."

**AKHBAR : THE STAR**
**MUKA SURAT : 4**
**RUANGAN : NATION**

# Zero local transmissions but Health Ministry remains concerned

By RASHVINJEET S. BEDI
rashvin@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** The Health Ministry is worried that the public will be complacent in the fight against Covid-19 as the country recorded zero local transmission of the disease yet again yesterday.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the virus was still around and could return or spread if the people were complacent and did not take preventive measures or maintain cleanliness.

"We are worried that the public will be complacent or return to their normal lives without following the standard operating procedure (SOP) that we have advocated for.

"This is our worry," he said at his daily press conference on the Covid-19 situation in the country.

Dr Noor Hisham added that based on their modelling, the ministry had expected zero cases of local transmissions.

"We are not able to control the cases among those who return from overseas.

"What we can control are local cases – in their single digit or none," he said.

Malaysia recorded four new Covid-19 cases, bringing the total number of infections to 8,729 cases. All four cases were imported cases – three involving Malaysians and one a non-citizen.

Dr Noor Hisham also said that four patients recovered in the last 24 hours while a total of 8,524 patients had been discharged since the Covid-19 outbreak began, thus recording a recovery rate of 97.7%.

There are currently 83 active cases being treated at the country's health facilities, with six in the intensive care units and two of them are on ventilator support.

The death toll from Covid-19 remains at 122 or 1.4% of total cases.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

# Four new cases of Covid-19

**PETALING JAYA:** Four new cases of Covid-19 were reported yesterday, bringing the total number of infections to 8,729.

No deaths were reported, with total number of deaths static at 122.

Health Director-General Datuk Seri Dr Noor Hisham Abdullah said all four cases reported yesterday were imported.

"The cases consisted of three Malaysians returning to the country, and one foreigner who was either a permanent resident or a visitor allowed into Malaysia for work purposes," he said.

Four infected people have recovered and were discharged yesterday, bringing the total number of recovered cases to 8,524. This represents 97.7% of the total cases.

"This leaves a total of only 83 active Covid-19 cases in Malaysia," he added.